

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

10. Rumah PPR.

- (a) Bagaimana pendirian Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Projek Rumah PPR di Pulau Pinang?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan pembinaan Projek Rumah PPR di lima daerah seperti yang dirancangkan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Penyediaan kediaman yang mencukupi dan selesa di setiap tahap kemampuan rakyat Pulau Pinang merupakan agenda terpenting Kerajaan Negeri. Pelbagai usaha dan inisiatif penyediaan Rumah Mampu Milik pelbagai kategori telah membawa kepada sejumlah 105,719 unit Rumah Mampu Milik dibina, sedang dalam pembinaan dan di peringkat perancangan. Walau bagaimanapun, terdapat satu segmen melibatkan warga Pulau Pinang yang tidak mampu memiliki kediaman dan memerlukan unit-unit sewa pada kadar minima yang ditempatkan di Rumah Sewa Kerajaan Negeri dan Program Perumahan Rakyat (PPR). Setakat ini, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah empat (4) PPR dengan jumlah keseluruhan unit sebanyak 999 sahaja dan angka ini tidak dapat menampung permintaan semasa, khususnya di kawasan Pulau.

- (a) Kerajaan Negeri berpendirian bahawa program PPR mesti diteruskan di mana Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menyalurkan peruntukan dan mengurus serta memantau projek pembangunan,

manakala Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab untuk menyediakan tapak. Kerajaan Negeri selanjutnya akan bertanggungjawab untuk menguruskan aspek pengisian dan penyelenggaraan seperti mana konsep dilaksanakan di PPR Taman Manggis di daerah Timur Laut dan PPR Taman Bagan Jaya di daerah Seberang Perai Utara.

- (b) Selaras dengan konsep pembinaan PPR sediada, sejumlah lima (5) tapak telah dikenalpasti dan sememangnya Kerajaan Negeri kekal dengan pendirian untuk meneruskan pembinaan PPR disitu. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek pembinaan PPR ini adalah tertakluk kepada kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan peruntukan. Tapak tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Lot 10042,10043 dan sebahagian Petak A di Seksyen 1, Bandar Jelutong daerah Timur Laut seluas 23.24 ekar. Lawatan teknikal oleh Jabatan Perumahan Negara telah diadakan pada 20 Jun 2018 dan projek telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12).
  - (ii) Tanah Kerajaan bersebelahan Lot 8471, Jalan Mayang Pasir, Mukim 12 Daerah Barat Daya seluas 7.82 ekar. Lawatan teknikal oleh Jabatan Perumahan Negara telah diadakan pada 13 Mac 2020 dan projek juga telah dimohon di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12).
  - (iii) Tanah Kerajaan PT741, Ujung Batu, Butterworth di Daerah Seberang Perai Utara seluas 13 ekar. Lawatan teknikal oleh Jabatan Perumahan Negara telah diadakan pada 12 Mac 2020 dan projek juga telah dimohon di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12).
  - (iv) Tanah Kerajaan Lot 1061-1065, 1072-1078 dan 1084-1088 di Kampung Tongkang, Mukim 14 Daerah Seberang Perai Tengah seluas 24.81 ekar. Lawatan teknikal oleh Jabatan Perumahan Negara telah diadakan pada 12 Mac 2020.

- (v) Tanah Milik Perbadanan Ketua Menteri/*Chief Minister Incorporated* (CMI) Lot 20841, 20842 dan 20843 Mukim 13 Batu Kawan di Daerah Seberang Perai Selatan seluas 3.43 ekar. Lawatan teknikal oleh Jabatan Perumahan Negara telah diadakan pada 12 Mac 2020.

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sebelum ini telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri berhubung halatuju pembinaan PPR sediada kepada konsep pemilikan pada harga serendah RM90,000 dimana keadah pelaksanaan secara *request for proposal* disarankan. Namun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpendapat had harga RMM A pada RM42,000 perlu dikekalkan dan perkara ini sedang dibincangkan.